

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Rabu, 10 September 2025



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

STATISTIK TENAGA BURUH, MALAYSIA, JULAI 2025

Kadar pengangguran pada Julai 2025 kekal 3.0 peratus, mencatatkan 521.6 ribu penganggur

PUTRAJAYA, 10 SEPTEMBER 2025 – Kadar pengangguran pada Julai 2025 kekal 3.0 peratus, mencatatkan 521.6 ribu penganggur, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Angka tersebut diperincikan dalam siaran **Statistik Tenaga Buruh, Malaysia, Julai 2025**. Laporan ini memberikan gambaran tentang penawaran buruh Malaysia, berdasarkan penemuan yang diperoleh melalui Survei Tenaga Buruh yang dilaksanakan oleh DOSM.

Mengulas prestasi keseluruhan pasaran buruh bagi Julai 2025, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Pasaran buruh terus mengekalkan trajektori positif, yang disokong oleh penambahbaikan berterusan dalam ekonomi domestik meskipun berdepan ketidaktentuan ekonomi global. Sehubungan itu, bilangan tenaga buruh pada Julai 2025 terus merekodkan peningkatan bulan ke bulan sebanyak 0.2 peratus, mencecah kepada seramai 17.47 juta orang (Jun 2025: 17.43 juta orang). Sementara itu, kadar penyertaan tenaga buruh kekal pada 70.8 peratus seperti Jun 2025."

Di samping itu, bilangan penduduk bekerja terus berada dalam trend peningkatan pada Julai 2025, dengan kenaikan sebanyak 0.2 peratus merekodkan 16.95 juta orang (Jun 2025: 16.92 juta orang). Sementara itu, bilangan penganggur pada bulan tersebut bertambah sebanyak 0.6 peratus kepada 521.6 ribu orang (Jun 2025: 518.7 ribu orang), dengan kadar pengangguran kekal pada 3.0 peratus, tidak berubah daripada bulan sebelumnya.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, 75.0 peratus daripada jumlah penduduk bekerja pada Julai 2025 adalah terdiri daripada kategori pekerja. Kategori ini naik

sedikit kepada 12.71 juta orang pada Julai 2025, dengan peningkatan marginal 0.1 peratus (Jun 2025: 12.69 juta orang). Selain itu, bilangan penduduk bekerja sendiri juga menunjukkan pertambahan sebanyak 0.4 peratus kepada 3.21 juta orang, berbanding 3.20 juta orang pada bulan sebelumnya.

Dari segi sektor ekonomi, bilangan penduduk bekerja dalam sektor Perkhidmatan terus mengekalkan momentum yang menggalakkan pada bulan tersebut, terutamanya dalam aktiviti Perdagangan borong & runcit; Penginapan dan makanan & minuman; serta Maklumat & komunikasi. Pada masa yang sama, sektor Pembuatan, Pembinaan, Pertanian serta Perlombongan & pengkuarian turut merekodkan pertumbuhan positif dalam guna tenaga.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menjelaskan bahawa bilangan mereka yang bekerja kurang daripada 30 jam seminggu mencatatkan penurunan sebanyak 1.0 peratus kepada 240.5 ribu orang pada bulan tersebut (Jun 2025: 243.1 ribu orang). Begitu juga, bilangan mereka yang bekerja kurang daripada 30 jam seminggu serta mampu dan bersedia menerima tambahan jam bekerja, atau diklasifikasikan sebagai guna tenaga tidak penuh berkaitan masa, berkurang sebanyak 2.1 peratus kepada 134.8 ribu orang, merekodkan kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan masa sebanyak 0.8 peratus (Jun 2025: 137.6 ribu orang; 0.8%).

Mengulas lanjut mengenai situasi pengangguran pada Julai 2025, Ketua Perangkawan Malaysia menyatakan bahawa 79.8 peratus daripada jumlah penganggur pada Julai 2025 adalah terdiri daripada mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan, atau penganggur aktif. Bilangan penganggur aktif bertambah sebanyak 0.4 peratus kepada 416.2 ribu orang (Jun 2025: 414.4 ribu orang). Dalam kumpulan ini, mereka yang menganggur kurang daripada tiga bulan merangkumi 64.3 peratus, manakala mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun meliputi 5.1 peratus. Begitu juga, mereka yang percaya bahawa tiada pekerjaan yang tersedia, atau penganggur tidak aktif, turut meningkat sebanyak 1.1 peratus kepada 105.5 ribu orang berbanding bulan lalu (Jun 2025: 104.3 ribu orang).

Selanjutnya, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 24 tahun kekal 10.2 peratus, dengan 298.9 ribu penganggur belia pada Julai 2025 (Jun 2025: 297.5 ribu orang). Begitu juga, kadar pengangguran belia berumur 15 hingga 30 tahun kekal pada 6.2 peratus, mencatatkan bilangan seramai 399.0 ribu orang penganggur belia (Jun 2025: 396.8 ribu orang).

Bilangan penduduk di luar tenaga buruh pada bulan tersebut merekodkan peningkatan sebanyak 0.2 peratus kepada 7.19 juta orang (Jun 2025: 7.18 juta orang). Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga merupakan komponen terbesar bagi mereka yang berada di luar tenaga buruh, merangkumi 43.7 peratus daripada jumlah keseluruhan, manakala kategori bersekolah/ latihan mewakili 40.8 peratus.

Mengakhiri kenyataan tersebut, pasaran buruh Malaysia dijangka kekal stabil, inklusif, dan berdaya tahan, dengan prospek positif bagi bulan-bulan yang akan datang. Walaupun terdapat cabaran luaran, asas ekonomi domestik yang kukuh, pelaburan strategik, dan dasar kerajaan yang proaktif diramal akan terus menyokong pertumbuhan guna tenaga. Fokus kepada peningkatan kemahiran, inovasi, dan ekonomi hijau akan menjadi pemacu utama dalam memastikan pasaran buruh Malaysia kekal kompetitif di peringkat global.


Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengaruhi Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkuatkan kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan'. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Carta 1: Penduduk bekerja, Malaysia, Januari - Julaiⁱ, Oktober - Disember 2024, dan Januari - Julai 2025



Carta 2: Pengangguran, Malaysia, Januari - Julai^r, Oktober - Disember 2024, dan Januari - Julai 2025



Carta 3: Luar tenaga buruh, Malaysia, Januari - Julai^r, Oktober - Disember 2024, dan Januari - Julai 2025



Nota:

- Indikator Survei Tenaga Buruh bagi Januari 2024 dan seterusnya dianggarkan berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020
- ^r Pelarasan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
10 SEPTEMBER 2025**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, September 10th 2025

MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

LABOUR FORCE STATISTICS, MALAYSIA, JULY 2025

The unemployment rate in July 2025 remained at 3.0 per cent, registering 521.6 thousand unemployed

PUTRAJAYA, SEPTEMBER 10, 2025 – The unemployment rate in July 2025 remained at 3.0 per cent, registering 521.6 thousand unemployed, according to the Department of Statistics Malaysia (DOSM). The figures were detailed in the **Labour Force Statistics, Malaysia, July 2025** release. The report provides insights into Malaysia's labour supply, drawing from findings collected through the Labour Force Survey conducted by DOSM.

Reviewing the overall labour market performance for July 2025, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “The labour market sustained its positive trajectory, underpinned by continued improvements in domestic economics despite global economic uncertainty. Therefore, the number of labour force in July 2025 recorded a further increase of 0.2 per cent month-on-month, reaching 17.47 million persons (June 2025: 17.43 million persons). Meanwhile, the labour force participation rate stood at 70.8 per cent as of June 2025.”

Furthermore, the number of employed persons was on an upward trend in July 2025, with a rise of 0.2 per cent to record 16.95 million persons (June 2025: 16.92 million persons). In the meantime, the number of unemployed persons during the month increased by 0.6 per cent to 521.6 thousand persons (June 2025: 518.7 thousand persons), with the unemployment rate remaining steady at 3.0 per cent, unchanged from the previous month.

According to the Chief Statistician Malaysia, 75.0 per cent of the total employed persons in July 2025 were in the employees' category. This category changed little to 12.71 million persons in July 2025, with a slight increase of 0.1 per cent (June 2025: 12.69 million persons). In addition, the number of own-account workers experienced

a growth of 0.4 per cent to 3.21 million persons, as compared to 3.20 million persons in the previous month.

In terms of economic sectors, the number of employed persons in the Services sector sustained its favourable momentum during the month, particularly in Wholesale & retail trade; Accommodation and food & beverage services; as well as Information & communication activities. On the same note, the Manufacturing, Construction, Agriculture, and Mining & quarrying sectors also recorded positive growth in employment.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also added that the number of persons working less than 30 hours per week registered a decrease of 1.0 per cent to 240.5 thousand persons during the month (June 2025: 243.1 thousand persons). Likewise, the number of persons working less than 30 hours per week but willing and able to work additional hours, or classified as time-related underemployment, fell by 2.1 per cent to 134.8 thousand persons, recording a time-related underemployment rate of 0.8 per cent (June 2025: 137.6 thousand persons; 0.8%).

Elaborating further on the unemployment situation in July 2025, the Chief Statistician Malaysia stated that 79.8 per cent of the total unemployed persons in July 2025 were those who were available for work and were actively seeking jobs, or actively unemployed. The number of actively unemployed expanded by 0.4 per cent to 416.2 thousand persons (June 2025: 414.4 thousand persons). Within this group, those who were unemployed for less than three months comprised 64.3 per cent, while those who were in long-term unemployment for more than a year encompassed 5.1 per cent. Similarly, those who believed there were no jobs available, or the inactively unemployed, also increased by 1.1 per cent to 105.5 thousand persons compared to last month (June 2025: 104.3 thousand persons).

Additionally, the unemployment rate for youth aged 15 to 24 years stood at 10.2 per cent, with 298.9 thousand unemployed youths in July 2025 (June 2025: 297.5 thousand persons). Likewise, the unemployment rate for youth aged 15 to 30 remained at 6.2 per cent, registering the number of 399.0 thousand unemployed youths (June 2025: 396.8 thousand persons).

The number of persons outside the labour force during the month recorded an increase of 0.2 per cent to 7.19 million persons (June 2025: 7.18 million persons). Housework/ family responsibilities was the largest component of those outside the labour force, comprising 43.7 per cent of the total, while the schooling/ training category represented 40.8 per cent.

Concluding the statement, Malaysia's labour market is expected to remain stable, inclusive, and resilient, with positive prospects in the coming months. Despite external challenges, strong domestic economic fundamentals, strategic investments, and

proactive government policies are predicted to continue supporting employment growth. A focus on upskilling, innovation, and the green economy will be key drivers to ensure Malaysia's labour market remains globally competitive.

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

Malaysia, for the first time, ranked as number one (1) globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life'. Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Employed persons, Malaysia, January - July, October - December 2024, and January - July 2025




Chart 2: Unemployment, Malaysia, January - July^r, October - December 2024, and January - July 2025





Chart 3: Outside labour force, Malaysia, January - July^r, October - December 2024, and January - July 2025



Note:

1. The Labour Force Survey indicators from January 2024 onwards are estimated based on the Population and Housing Census of Malaysia 2020
2. ^r Revision based on the current population estimates from the Population and Housing Census of Malaysia 2020

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

10th SEPTEMBER 2025